
6. BAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

Perbadanan Harta Intelek Malaysia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) berkuat kuasa pada 3 Mac 2003 di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). MyIPO bertanggungjawab mentadbir dan menguatkusakan undang-undang harta intelek yang terdiri daripada Cap Dagangan, Paten, Hak Cipta, Reka Bentuk Perindustrian, Petunjuk Geografi dan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu.
- 1.2. Seksyen 36 Akta 617 menetapkan Perbadanan boleh atas arahan Kerajaan menyebabkan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) suatu amaun tidak melebihi 30% daripada lebihan semasa tahunannya selepas tahun ketiga pengendaliannya.
- 1.3. Seksyen 77A Akta Cukai Pendapatan 1967 menetapkan agensi atau syarikat hendaklah melaporkan pendapatan yang diperoleh kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan setiap tahun.
- 1.4. Berdasarkan surat bertarikh 15 April 2008, Menteri Kewangan telah bersetuju mengecualikan cukai pendapatan kepada MyIPO ke atas semua pendapatan statutori kecuali pendapatan dividen mulai tahun taksiran 2003. Hal ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3) Akta Cukai Pendapatan 1967. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa MyIPO membayar sumbangan 30% daripada lebihan semasa tahunannya kepada KWDP, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 36 Akta 617.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada MyIPO membuat pembayaran kepada KWDP atau membayar cukai pendapatan selaras dengan undang-undang dan peraturan berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dibuat terhadap status bayaran MyIPO kepada KWDP selepas tahun ketiga pengendaliannya, iaitu mulai tahun 2006 hingga tahun 2019 di pejabat MyIPO.

3.2. Semakan juga dibuat terhadap permohonan pengecualian bayaran kepada KWDP yang telah dikemukakan oleh KPDNHEP kepada Kementerian Kewangan (MOF) dan status pembayaran cukai pendapatan oleh MyIPO kepada LHDNM.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang diperoleh daripada MyIPO, KPDNHEP dan MOF. Selain itu, analisis terhadap data dan penyata kewangan yang berkaitan dengan bayaran kepada KWDP serta cukai pendapatan MyIPO turut dilaksanakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2020. Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada pihak pengurusan MyIPO pada 12 Oktober 2020. Maklum balas telah diterima daripada MyIPO pada 16 Oktober dan 23 November 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 20 Oktober 2020. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti dinyatakan di perenggan 4.1. dan 4.2.

4.1. Bayaran Kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan Berjumlah RM12.71 Juta Bagi Tahun 2013 Hingga 2019 Tidak Dibuat Oleh MyIPO

4.1.1. Seksyen 36 Akta 617 memperuntukkan “*Perbadanan boleh atas arahan Kerajaan menyebabkan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) suatu amaun tidak melebihi 30% daripada lebihan semasa tahunannya selepas tahun ketiga pengendaliannya*”.

4.1.2. Sehingga 30 September 2020, **MyIPO masih belum membuat bayaran 30% daripada lebihan semasa tahun 2013 hingga 2019 kepada KWDP.** Bayaran kepada KWDP tidak dibuat walaupun MyIPO telah merekodkan tanggungan bayaran kepada KWDP sebagai liabiliti dalam penyata kewangan setiap tahun mulai tahun 2013. **Secara kumulatifnya, tunggakan bayaran kepada KWDP berjumlah RM12.71 juta.**

4.1.3. Analisis Audit mendapati MyIPO pernah membuat bayaran kepada KWDP bagi lebihan semasa tahun 2006 hingga 2012 berjumlah RM11.45 juta. Bayaran telah dibuat di antara satu (1) hingga empat (4) tahun selepas berakhir tahun

kewangan. Ringkasan lebihan/kurangan semasa, tanggungan dan pembayaran yang telah dibuat bagi tempoh tahun 2006 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN KEPADA KWDP

TAHUN	LEBIHAN/ (KURANGAN) SEMASA (RM Juta)	TANGGUNGAN @30% LEBIHAN SEMASA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI TERTUNGGAK (RM Juta)	CATATAN
2006	5.15	1.54	-	1.54	-
2007	7.41	2.22	1.54	0.68	Bayaran bagi tahun 2006.
2008	8.02	2.40	2.22	0.18	Bayaran bagi tahun 2007.
2009	(0.12)	-	-	-	Tiada peruntukan dibuat kerana MyIPO mengalami defisit pendapatan pada tahun ini.
2010	(5.81)	-	-	-	
2011	9.22	2.77	-	2.77	-
2012	8.39	2.52	5.17	(2.65)	Bayaran bagi tahun 2008 dan 2011.
2013	2.76	0.83	-	0.83	-
2014	5.04	1.51	2.52	(1.01)	Bayaran bagi tahun 2012.
2015	2.31	0.69	-	0.69	-
2016	5.09	1.53	-	1.53	-
2017	8.34	2.50	-	2.50	-
2018	11.11	3.33	-	3.33	-
2019	7.75	2.32	-	2.32	-
JUMLAH	24.16	11.45		12.71	

Sumber: Penyata Kewangan MyIPO Tahun 2006-2019 (Telah Diaudit)

4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati MyIPO telah membuat permohonan kepada MOF bagi pengecualian pembayaran kepada KWDP pada tahun 2013. Permohonan ini telah dikemukakan sekali lagi pada bulan September 2019 melalui KPDNHEP. Permohonan ini dibuat memandangkan tiada sebarang maklum balas diterima daripada MOF bagi meluluskan pengecualian yang dipohon MyIPO pada tahun 2013.

4.1.5. KPDNHEP telah mengemukakan maklum balas tambahan yang diperlukan oleh MOF pada bulan Oktober dan November 2019 namun tiada maklum balas diterima. Susulan selanjutnya telah dibuat oleh KPDNHEP pada 4 September 2020 kepada MOF. Bagaimanapun, setakat 30 September 2020 MOF masih belum memberi sebarang maklum balas terhadap permohonan pengecualian bayaran kepada KWDP.

4.1.6. Perkara ini berlaku kerana MyIPO telah gagal mematuhi kehendak Seksyen 36 Akta 617 walaupun belum mendapat kelulusan pengecualian daripada MOF.

Maklum balas MyIPO yang diterima pada 23 November 2020

MyIPO mengakui tiada pembayaran kepada KWDP dibuat bagi tahun 2013 hingga 2019 berjumlah RM12.71 juta. MyIPO telah menerima maklum balas daripada MOF dan keputusan permohonan pengecualian bayaran kepada KWDP bagi tahun 2013 hingga 2017 tidak diluluskan. MyIPO dikehendaki membayar kepada KWDP selaras dengan Seksyen 36 Akta 617.

Pernyataan Audit	Tanggungan kepada KWDP yang tidak dibayar dari tahun 2013 hingga 2019 berjumlah RM12.71 juta merupakan ketirisan hasil yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Persekutuan.
-------------------------	---

4.2. MyIPO Tidak Membayar Cukai Pendapatan Dianggarkan Berjumlah RM9.06 Juta Sejak Penubuhannya

4.2.1. Berdasarkan surat bertarikh 15 April 2008, Menteri Kewangan telah bersetuju mengecualikan cukai pendapatan kepada MyIPO ke atas semua pendapatan statutori kecuali pendapatan dividen mulai tahun taksiran 2003 selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa MyIPO membayar sumbangan 30% daripada lebihan semasa tahunannya kepada KWDP selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 36 Akta 617.

4.2.2. Sehingga 30 September 2020, MyIPO tidak pernah membuat peruntukan atau perbelanjaan cukai atas pendapatannya sejak ditubuhkan. Amaun cukai pendapatan yang perlu dibayar setiap tahun bergantung kepada pendapatan yang dicukai dan dibenarkan pelepasan cukai serta tertakluk kepada status bayaran kepada KWDP.

4.2.3. Pendapatan yang dikenakan cukai bagi tahun 2003 hingga 2012, hanyalah pendapatan dividen daripada saham amanah memandangkan MyIPO telah membuat bayaran kepada KWDP dan pendapatan lain adalah dikecualikan. Pendapatan dividen saham amanah hanya melibatkan tahun taksiran 2010 dan 2012. Anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar kepada LHDNM bagi tahun taksiran 2010 dan

2012 berjumlah RM0.56 juta. Butiran terperinci pendapatan boleh cukai iaitu dividen saham dan anggaran cukai adalah seperti dalam **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
ANGGARAN CUKAI ATAS DIVIDEN SAHAM AMANAH MyIPO

TAHUN	DIVIDEN SAHAM AMANAH (RM Juta)	KADAR CUKAI* (%)	ANGGARAN CUKAI (RM Juta)
2010	0.69	25	0.17
2012	1.55	25	0.39
JUMLAH			0.56

Sumber: Penyata Kewangan MyIPO 2010 dan 2012 (Telah Diaudit)

Nota : * Laman Web Rasmi LHDNM

4.2.4. Kelulusan pengecualian cukai yang telah diberikan kepada MyIPO pada tahun 2008 adalah terbatal mulai tahun kewangan 2013. Ini adalah kerana MyIPO telah melanggar syarat kelulusan pengecualian cukai pendapatan apabila gagal membuat bayaran 30% daripada lebihan tahun semasanya kepada KWDP. Oleh yang demikian, MyIPO adalah bertanggungjawab untuk membuat peruntukan cukai tahunan, melaporkan dan membayar cukai atas hasil pendapatannya yang layak dikenakan cukai mulai tahun 2003.

4.2.5. Berdasarkan kepada pendapatan yang dilaporkan dalam penyata kewangan MyIPO, dianggarkan cukai pendapatan atas pendapatan lain yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2013 hingga 2019 berjumlah RM8.50 juta. Pengiraan Audit terhadap anggaran cukai pendapatan adalah berdasarkan pendapatan dividen saham amanah dan pendapatan lain boleh cukai yang dikira meliputi pendapatan faedah simpanan tetap dan hasil operasi lain termasuk pendapatan sewaan. Butiran terperinci pendapatan boleh cukai dan anggaran cukai adalah seperti dalam **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
ANGGARAN CUKAI ATAS PENDAPATAN LAIN MyIPO

TAHUN	PENDAPATAN DIVIDEN (RM Juta)	PENDAPATAN LAIN BOLEH CUKAI (RM Juta)	KADAR CUKAI* (%)	ANGGARAN CUKAI	
				PENDAPATAN DIVIDEN (RM Juta)	PENDAPATAN LAIN BOLEH CUKAI (RM Juta)
2013	0.44	3.29	25	0.11	0.82
2014	1.01	4.03	25	0.25	1.01
2015	-	4.08	25	-	1.02
2016	-	7.37	24	-	1.77
2017	-	9.42	24	-	2.26
2018	-	2.64	24	-	0.63
2019	-	2.63	24	-	0.63
JUMLAH				0.36	8.14

Sumber: Penyata Kewangan MyIPO 2013-2019 (Telah Diaudit)

Nota : * Laman Web Rasmi LHDNM

4.2.6. Secara keseluruhan, pengiraan Audit terhadap **anggaran cukai pendapatan yang masih belum dibayar kepada LHDNM bagi tahun taksiran 2003 hingga 2019 berjumlah RM9.06 juta. Tanpa kelulusan pengecualian bayaran 30% daripada lebihan tahun semasanya kepada KWDP dari MOF, MyIPO perlu membuat bayaran kepada KWDP berjumlah RM12.71 juta.** Dari segi cukai pendapatan pula, MyIPO dianggarkan perlu membayar RM0.56 juta dan RM0.36 juta atas pendapatan dividen sahaja. Ringkasan anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar kepada LHDNM (tidak termasuk kenaan denda lewat, sekiranya berkaitan) adalah seperti dalam **Jadual 6.4.**

**JADUAL 6.4
ANGGARAN CUKAI PENDAPATAN MyIPO
BERDASARKAN STATUS BAYARAN KEPADA KWDP**

TEMPOH TAHUN	STATUS BAYARAN 30% KEPADA KWDP	PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI	ANGGARAN CUKAI (RM Juta)
2003 - 2012	Telah Bayar	Dividen saham amanah	0.56
2013 - 2019	Tidak Bayar	Faedah simpanan tetap, pendapatan sewaan dan dividen saham amanah*	8.50
JUMLAH			9.06

Sumber: Pengiraan Audit

Nota : * Cukai atas dividen saham amanah tahun 2013 (RM0.11 juta) dan 2014 (RM0.25 juta)

Maklum balas MyIPO yang diterima pada 16 Oktober 2020

MyIPO mengakui tiada pembayaran cukai dibuat sejak penubuhan MyIPO. MyIPO tidak membayar cukai kerana telah mendapat pengecualian pembayaran cukai berdasarkan surat bertarikh 15 April 2008 dan 5 Februari 2015. Jika pengecualian bayaran kepada KWDP tidak diluluskan, MyIPO akan membayar kepada KWDP dan tidak membayar cukai pendapatan kecuali cukai ke atas dividen. Perbincangan lanjut dengan pihak LHDNM akan dibuat bagi menyelesaikan isu cukai tertunggak selepas pendaftaran fail cukai selesai.

Pernyataan Audit	Kegagalan MyIPO membayar cukai pendapatan pada setiap tahun taksiran telah menyebabkan ketirisan hasil cukai Kerajaan. Penangguhan bayaran kepada KWDP dan kelewatan mengemukakan taksiran serta bayaran cukai pendapatan boleh menyebabkan MyIPO dikenakan denda.
-------------------------	---

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan MyIPO mematuhi Seksyen 36 Akta 617 dan surat kelulusan pengecualian cukai pendapatan bertarikh 15 April 2008, adalah disyorkan MyIPO mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 5.1. Membuat bayaran 30% daripada lebihan semasa setiap tahun kepada KWDP selagi kelulusan pengecualian daripada MOF belum diperoleh.
- 5.2. Membuat peruntukan cukai dan melaporkan pendapatan kepada LHDNM setiap tahun serta membayar amaun cukai berkaitan.